

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015 (PP Bil. 6/2015):**

**FAQ KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

| <b>BIL.</b>  | <b>PERKARA</b>                  | <b>PENERANGAN</b>  |
|--|---------------------------------|--|
| <b>Pegawai yang Layak</b>                          |                                 |  |
| 1.   | Pegawai yang Terlibat           | <p>(a) Pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.</p> <p>(b) Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di luar negara dan berada di negara ketiga atas urusan persendirian.</p>  |
| <b>Pelaksanaan Perlindungan Insurans Kesihatan</b> |                                 |  |
| 2.   | Perlindungan Insurans Kesihatan | <p>(a) Perlindungan insurans kesihatan terhad kepada pegawai sahaja tidak melebihi 31 hari mulai tarikh perjalanan.</p> <p>(b) Meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan.</p> <p>(c) Polisi perlindungan dinyatakan dalam Sijil Takaful yang akan diberikan bagi setiap permohonan kemudahan insurans kesihatan ini.</p>   |
| 3.   | Tatacara Permohonan             | <p><b>(a) Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat Dalam Negara:</b></p> <p>(i) mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan menggunakan borang seperti dalam <b>Lampiran A, PP Bil. 6/2015</b>;</p> <p>(ii) Kementerian/Jabatan/Agensi akan membuat permohonan kepada syarikat penanggung insurans yang telah dilantik (Syarikat Takaful Malaysia Berhad);</p> <p>(iii) Syarikat Takaful Malaysia Berhad akan memberikan Kad Takaful dan Sijil Takaful kepada pegawai yang telah memohon sebelum pegawai memulakan perjalanan ke luar negara.</p> |

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015 (PP Bil. 6/2015):**

**FAQ KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

| BIL. | PERKARA | PENERANGAN  |
|------|---------|---|
|      |         | <p><b>(b) Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Luar Negara:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan/ Ketua Perwakilan menggunakan borang seperti dalam <b>Lampiran A, PP Bil. 6/2015</b>;</li> <li>(ii) Kementerian/Jabatan/Agensi akan membuat permohonan kepada syarikat penanggung insurans yang telah dilantik (Syarikat Takaful Malaysia Berhad); dan</li> <li>(iii) Syarikat Takaful Malaysia Berhad akan memberikan Kad Takaful dan Sijil Takaful kepada pegawai yang telah memohon sebelum pegawai memulakan perjalanan ke negara ketiga.</li> </ul> <p><b>(c) Pegawai Perkhidmatan Awam yang sedang Cuti Belajar:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) bagi pegawai Perkhidmatan Gunasama, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam menggunakan borang seperti dalam <b>Lampiran A, PP Bil. 6/2015</b>;</li> <li>(ii) bagi pegawai Bukan Perkhidmatan Gunasama, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan menggunakan borang seperti dalam <b>Lampiran A, PP Bil. 6/2015</b>;</li> <li>(iii) Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah menghantar permohonan kepada Syarikat Takaful Malaysia Berhad; dan</li> <li>(iv) Syarikat Takaful Malaysia Berhad akan mengemukakan Kad Takaful dan Sijil Takaful kepada pegawai yang telah memohon sebelum pegawai memulakan perjalanan ke luar negara.</li> </ul> |

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015 (PP Bil. 6/2015):**

**FAQ KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

| BIL. | PERKARA   | PENERANGAN  |
|------|---|---|
| 4.   | Pembatalan Perjalanan   | <p>(a) Menggunakan borang seperti dalam <b>Lampiran B, PP Bil. 6/2015</b>;</p> <p>(b) Sekiranya pegawai tidak memaklumkan pembatalan perjalanan, pegawai dikira telah menggunakan kemudahan insurans kesihatan ini pada tahun berkenaan; dan</p> <p>(c) Pegawai hendaklah menanggung sendiri bayaran premium insurans kesihatan yang dikenakan sekiranya pegawai tidak menepati syarat-syarat seperti di <b>perenggan 4 hingga 6, PP Bil. 6/2015</b>.</p> |
| 5.   | Contoh Kad Takaful Perlindungan Insurans Kesihatan  |  <p><b>CONTOH</b></p>  |
| 6.   | Liputan Perlindungan Insurans Kesihatan   | Seperti yang tertera dalam <b>Sijil Takaful</b> yang akan diberikan setelah permohonan kemudahan insurans kesihatan ke luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian ini diluluskan.   |
| 7.   | Tatacara Permohonan bagi Perjalanan Dalam Tempoh Peralihan Sebelum Kuat Kuasa PP Bil.6/2015 | <p>Permohonan bagi perjalanan ke luar negara/negara ketiga sehingga 22 Ogos 2015 yang <b>diterima oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi</b> adalah di bawah <b>tanggungjawab pihak HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd</b> untuk menguruskannya.</p> <p><b>Syarikat Takaful Malaysia Berhad</b> akan mengambil alih permohonan bagi perjalanan mulai <b>23 Ogos 2015</b>.</p>   |

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015 (PP Bil. 6/2015):**

**FAQ KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KEPADА PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

| BIL.  | PERKARA   | PENERANGAN   |
|---|---|--|
| <b>Syarikat Penanggung Insurans Kesihatan yang dilantik oleh Kerajaan</b> |   |  |
| 8.  | Syarikat Penanggung Insurans Kesihatan yang dilantik oleh Kerajaan. | <p><b>Syarikat Takaful Malaysia Berhad (131646-K)</b><br/> 26<sup>th</sup> Floor, Annexe Block<br/> Menara Takaful Malaysia<br/> No.4, Jalan Sultan Sulaiman<br/> <b>50000 KUALA LUMPUR</b></p> <p><b>Permohonan dan tuntutan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan ini harus dibuat menggunakan alamat di bawah:</b></p> <p><b>2-1-04 D'vida</b><br/> Jalan Bazar U8/101<br/> Bukit Jelutong<br/> 40150 Shah Alam<br/> <b>SELANGOR.</b></p> <p><b>No. Telefon : 03 - 5879 8163/013 - 2615000</b><br/> <b>No. Faks : 03 - 5879 8167</b><br/> <b>E-mel : services@myarrehlah.my</b><br/> <b>Website : www.myarrehlah.my</b></p> <p>Pegawai boleh melayari website ini untuk membuat semakan permohonan atau untuk mendapatkan salinan <b>Kad Takaful dan Sijil Takaful</b> sebelum memulakan perjalanan dengan hanya menggunakan rujukan nombor Kad Pengenalan pegawai.</p> |